

U B483 AAB
PARLIMEN - LANGKAWI

KUALA LUMPUR, 11 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENAFIKAN DI DEWAN RAKYAT HARI INI KONONNYA PENDUDUK PULAU LANGKAWI TIDAK BERSETUJU DENGAN TINDAKAN KERAJAAN MENJADIKAN PULAU ITU SEBAGAI PELABUHAN BEBAS CUKAI.

PERDANA MENTERI BERKATA HANYA TOKOH-TOKOH TERTENTU YANG BERKEPENTINGAN POLITIK SAHAJA MENDAKWA CADANGAN ITU DITENTANG OLEH PENDUDUK LANGKAWI.

BELIAU MENEGASKAN DEMIKIAN KETIKA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCIK ZUBIR EMBONG (BN-KUALA TERENGGANU) YANG INGIN TAHU SEJAUH MANA CADANGAN MENJADIKAN LANGKAWI SEBAGAI PELABUHAN CUKAI BEBAS DITENTANG OLEH PENDUDUK TEMPATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENASIHATKAN PENDUDUK LANGKAWI JANGAN TERLALU GOPOH MENJUAL TANAH MILIK MEREKA TETAPI HENDAKLAH MENGGUNAKAN TANAH ITU SEBAGAI MODAL UNTUK MEMEGANG SAHAM DALAM PERUSAHAAN ATAU PERDAGANGAN YANG BAKAL DIADAKAN DI PULAU ITU KELAK.

KETIKA MENJAWAB SERENTAK DUA SOALAN ASAL DARIPADA DR ABDUL HADI DERANI (BN-KOTA SETAR) DAN ENCIK HASHIM SAFIN (BN-TANAH MERAH), BELIAU MENJELASKAN BAHAWA PERISYTIHARAN PULAU LANGKAWI SEBAGAI PELABUHAN BEBAS CUKAI BERMATLAMAT MENJADIKAN PULAU ITU SEBAGAI DESTINASI PELANCONG UTAMA DI NEGARA INI. -- LAGI
1630MST 11 03 87

U B484 AAB
PARLIMEN - LANGKAWI 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, SEJAK PERISYTIHARAN ITU JANUARI LEPAS, KERAJAAN NEGERI KEDAH TELAH MENERIMA BANYAK PERTANYAAN DAN CADANGAN UNTUK MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PENGINAPAN, PERNIAGAAN DAN REKREASI.

BELIAU BERKATA ANTARA RANCANGAN YANG TELAH DAN SEDANG DILAKSANAKAN DI PULAU ITU IALAH PEMBESARAN LAPANGAN TERBANG, MENAIKKAN TARAF RANGKAIAN JALAN UTAMA, BEKALAN AIR, ELEKTRIK DAN TELEFON.

DI SAMPING ITU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, LANGKAWI JUGA PADA MASA SEKARANG MEMPUYAI DUA BUAH JETI UNTUK KEPERLUAN PENUMPANG DAN KARGO.

DENGAN TERLAKSANANYA PROJEK-PROJEK ITU, LANGKAWI AKAN MEMPUYAI RANGKAIAN INFRASTRUKTUR YANG LENGKAP UNTUK MENAMPUNG PERMINTAAN PARA PELANCONG, KATA PERDANA MENTERI.

SELARAS DENGAN PENGISYTIHARAN ITU JUGA, KERAJAAN BERCADANG MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SEPERTI TEMPAT PENGINAPAN, KOMPLEKS MEMBELI-BELAH DAN PENGANGKUTAN, JELASNYA.

KETIKA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN HAJI ABDUL MANAF HAJI AHMAD (BN-SUNGAI PETANI) YANG INGIN SEBAB LANGKAWI DIPILIH MENJADI PELABUHAN BEBAS CUKAI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA SEBAGAI SATU TARIKAN UTAMA PELANCONG KE PULAU ITU YANG MEMANG TELAH TERKENAL DENGAN KEINDAHAN ALAM SEMULAJADINYA. -- BERNAMA
1634MST 11 03 87